

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 10 OGOS 2019

MUKA SURAT: 3

Penduduk solat hajat bantu permudah cari remaja hilang

NILAI - Penduduk di sekitar pekan Pantai di sini mengadakan solat hajat selepas solat Jumaat semalam bagi memohon dipermudahkan usaha mencari dan menyelamat (SAR) seorang remaja Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang dilaporkan hilang sejak Ahad.

Solat hajat itu dipimpin Imam 2 Masjid Kariah Pantai, Mohd. Taufek Awaludin dan disertai Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd. Nor Marzukee Besar bersama kira-kira 300 jemaah dari beberapa kampung.

Mohd. Taufek berkata, jawatankuasa masjid bersedia melaku-

kan solat hajat secara berterusan sekiranya operasi pencarian itu berlarutan.

"Perkara (kehilangan Nora Anne) ini berlaku dalam kawasan kampung kami, jadi inilah ikhtiar kami agar Allah memudahkan operasi mencari mangsa. Solat hajat ini kali pertama dilakukan penduduk di sini bagi kes orang orang," katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Taufek, kehilangan remaja itu merupakan kali pertama membabitkan tempoh yang agak lama di kawasan tersebut.

"Sebelum ini ada dilaporkan kejadian serupa, namun dalam keba-

nyakan kes, mangsa berjaya ditemui dalam masa singkat," katanya.

Sementara itu, polis terus mengedarkan gambar Nora Anne beserta butiran seperti nama penuh, umur, nombor pasport dan tarikh hilang di sekatan jalan raya.

Selain itu, gambar remaja itu turut ditampal di kawasan tumpuan awam antaranya stesen bas dan kedai makan.

Ahad lepas, gadis yang mengalami masalah pembelajaran itu dilaporkan hilang selepas tiba bersama keluarganya dari London pada Sabtu untuk percutian dua minggu di sebuah resort di sini.



MOHD. NOR MARZUKEE mengedarkan gambar dan butiran Nora Anne kepada seorang pengguna jalan raya sebagai alternatif untuk mencari mangsa yang hilang di sekitar Kampung Pantai, Nilai semalam.

Pasukan operasi buntu kesan remaja Ireland, faktor cuaca ganggu pencarian

6 hari Nora hilang tanpa jejak

NILAI - Selepas 120 jam berlalu, nasib remaja perempuan warga Ireland, Nora Anne Quoirin (gambar kecil), 15, yang dilaporkan hilang ketika menginap di resort The Dusun, Pantai Hill di sini sejak Ahad lalu masih menjadi tanda tanya.

Memasuki hari keenam operasi mencari dan menyelamat (SAR) remaja itu semalam, pasukan operasi dijangka berdepan sedikit cabaran susulan perubahan faktor cuaca yang hujan dalam sehari dua ini.

Tinjauan ke kawasan lokasi kejadian dan pencarian mangsa pada pagi semalam mendapati cuaca mendung dan diselubungi kabut tebal.

Pergerakan kenderaan yang masuk ke kawasan ini dari arah Pekan Pantai turut berdepan beberapa halangan kecil akibat pokok tumbang, namun telah dialihkan oleh penduduk tempatan.

Seawal 7 pagi, petugas media tempatan dan antarabangsa sudah pun berkampung di kawasan terbabit bagi mengikuti perkembangan lanjut operasi itu.

Sementara itu, aset keselamatan yang membawa



PASUKAN mencari menggunakan pembesar suara untuk menjejaki Nora Anne yang dilaporkan hilang sejak Ahad lalu di sekitar kawasan resort The Dusun, Pantai Hill di Nilai semalam.

anggota operasi dilihat bergerak masuk ke kawasan kejadian sejak awal pagi.

Sehingga semalam, kekuatan anggota keselamatan yang terlibat adalah seramai 252 orang membabitkan pelbagai agensi keselamatan seperti polis, Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 4 Se-

menyih, PGA Batalion 3 unit

Senoi Praaq, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Jabatan Perhutanan negeri.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop sebelum ini dilaporkan berkata, pasukan operasi mencari

tidak akan berputus asa dalam usaha menjejaki remaja terbabit yang dipercayai masih berada dalam kawasan berkenaan.

"Pasukan SAR telah berusaha mencari remaja tersebut di kawasan seluas 10 hektar.

"Usaha pencarian dipecahkan kepada empat zon membabitkan pelbagai kekuatan agensi selain menggunakan helikopter," jelasnya.

Sebelum itu, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan bahawa kes tersebut diklasifikasikan sebagai kes orang hilang dan menolak sebarang spekulasi liar yang boleh mengganggu operasi.

"Paling penting adalah kenyataan rasmi dikeluarkan polis. Itu penting, apa orang kata (media asing), itu tidak penting kerana mereka (polis) lebih tahu apa yang berlaku," jelasnya.

Pada 3 Ogos lalu, Nora Anne dilaporkan tiba bersama keluarganya dari London untuk percutian dua minggu di sebuah resort di sini.

Remaja berkenaan disedari hilang dari bilik penginapan oleh keluarganya pada 8 pagi Ahad. - Bernama

INFO Kronologi kehilangan Nora Anne

• **3 Ogos 2019** - Remaja Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, tiba di Resort The Dusun Pantai Hill, Seremban, Negeri Sembilan bersama keluarganya untuk bercuti.

• **4 Ogos 2019** - Remaja perempuan yang mempunyai masalah pembelajaran itu disedari hilang oleh ahli keluarganya apabila mangsa tiada di bilik penginapannya pada pukul 8 pagi.

- Polis menerima maklumat kehilangan mangsa daripada pemilik resort selepas dimaklumkan oleh seorang ahli keluarga remaja Ireland itu.

- Polis melakukan misi pencarian membabitkan bomba dan anggota polis dari Unit Arjng Pengesanan (K9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan.

• **5 Ogos 2019** - Pihak berkuasa termasuk polis dan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) mengawal ketat kawasan Resort The Dusun Pantai Hill, lokasi Nora Anne dilaporkan hilang.

- Unit Udara Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) Nora Anne.

- Ketua Polis Negeri Sembilan Datuk Mohamad Mat Yusop menafikan kehilangan Nora Anne sebagai kes penculikan seperti dilaporkan media asing. Kes diklasifikasikan sebagai orang hilang.

• **6 Ogos 2019** - Menteri Dalam Negeri Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta semua pihak berhenti membuat spekulasi sendiri mengenai kehilangan Nora Anne.

• **7 Ogos 2019** - Pasukan operasi menggunakan rakaman suara ibu mangsa, Meabh Jaseprine Quoirin bagi mengesan remaja terbabit.